

BARISAN-PM R'R'R'
(I)

SIBU, 14 APRIL (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DI SABAH DAN SARAWAK DALAM PILIHANRAYA PARLIMEN INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI AKHIR LAWATAN DUA HARI KE KEDUA-DUA NEGERI ITU BAHAWA RAKYAT HENDAKLAH MENOLAK SIKAP PERKAUMAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

PERDANA MENTERI MENGGESA RAKYAT DI SARAWAK UNTUK BERKERJASAMA DAN MENGEKALKAN SUASANA HARMONI SEKARANG BAGI MENJAMIN KEAMANAN DAN KEMAJUAN YANG BERTERUSAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERPUASHATI DENGAN KEJAYAAN YANG DICAPAI DI SABAH DAN SARAWAK DAN BELIAU YAKIN NEGERI-NEGERI ITU AKAN LEBIH MAJU PADA MASA HADAPAN.

MENJAWAB SATU SOALAN, BELIAU BERKATA SOAL BUKUNYA +THE MALAY DILEMMA+ DIJADIKAN SATU ISU POLITIK BUKANLAH PERKARA BARU KERANA PADA TAHUN 1978 PAS TELAH MENGECAPNYA SEBAGAI ANTI MELAYU DAN KINI PAS PULA BERKATA BELIAU ADALAH ANTI CINA.

+INI BERMAKNA SAYA ADALAH BERKECUALI,+ TAMBAHNYA DENGAN DISAMBUH TEPUKAN GEMURUH.--BERSAMBUNG 1957/HM

B697

BARISAN-PM 2 SIBU R'R'R'

MENJAWAB SOALAN LAIN, BELIAU BERKATA PERKHIDMATAN UDARA DALAM DAN ANTARA SABAH DAN SARAWAK DENGAN SEMENANJUNG MALAYSIA TELAH BERTAMBAH BAIK BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI.

MENGULAS KEJADIAN PEMBUNUHAN BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI NEGERI SEMBILAN, DATUK MOHAMED TAHA TALIB OLEH SEORANG LELAKI YANG TIDAK DIKETAHUI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MASIH MENUNGGU LAPORAN MENGENAI PERISTIWA ITU.

SEHINGGA ITU, BELIAU TIDAK TAHU SAMA ADA KEJADIAN ITU MEMPUYAI MOTIF-MOTIF POLITIK.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA DATIN SERI DR. HASMAH TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH OLEH BERATUS-RATUS PENYOKONG BARISAN NASIONAL.

ORANGRAMAI ITU JUGA YANG TIDAK MENGHIRAUKAN HUJAN LEBAT UNTUK MENGUCAP SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA BILA MEREKA BERLEPAS KE ALOR SETAR.--BERNAMA 2002/HM